

14 MAY 2003

Mahathir-Wesak

KEKALKAN PERPADUAN KAUM, PERERAT TALI PERSAUDARAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia mestilah mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum kerana ia akan menyelamatkan negara daripada cubaan menghasut bagi menguasai negara ini.

Perdana Menteri berkata di dalam keadaan dunia yang tidak menentu hari ini, dengan yang kuat dan kaya mempunyai kuasa mutlak untuk menindas yang lemah dan miskin, rakyat Malaysia amat bertuah dapat mengekalkan kedaulatan dan kebebasannya.

"Ini dapat kita lakukan jika kita terus mengamalkan perpaduan yang erat antara kita rakyat pelbagai kaum dan agama.

"Kita mempunyai sikap toleransi yang tinggi. Kita saling hormat menghormati antara satu sama lain," katanya dalam perutusan Hari Wesak yang akan disambut esok.

Dr Mahathir berkata seluruh rakyat haruslah mengambil kesempatan perayaan Hari Wesak yang disambut penganut Buddha untuk kunjung mengunjungi antara satu sama lain.

"Di hari yang berbahagia ini, saya menyeru semua rakyat Malaysia untuk menggunakan peluang ini bagi mengeratkan tali persaudaraan antara kita," katanya.

Beliau berkata rakyat juga harus meneruskan amalan menjemput rakan mereka daripada kaum yang lain untuk menghadiri rumah terbuka kerana ia akan memberi peluang untuk mengenali rakan-rakan mereka dengan lebih dekat lagi.

Sambil mengucapkan syukur, Dr Mahathir berkata seperti tahun-tahun sebelum ini, rakyat Malaysia khususnya penganut agama Buddha secara berterusan dapat menyambut Hari Wesak dengan meriah dan penuh keceriaan serta kemewahan.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak kepada semua rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

HS HS RHM